

18 APR 1997

Nik Aziz-Umno

PAS AKUI SUKAR BERSAMA UMNO DALAM PERJUANGAN POLITIK

KOTA BAHARU, 18 April (Bernama) -- Kerjasama dalam bidang politik antara Pas dan Umno adalah sukar memandangkan perjuangan politik Umno yang menekankan semangat kebangsaan berbanding dengan perjuangan Pas untuk menegakkan syiar Islam di negara ini.

Murshid Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, selagi Umno masih mengamalkan dasar kebangsaan maka hubungan kedua-dua parti itu akan kekal seperti sedia ada iaitu berkerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial sahaja manakala Pas akan terus bertindak sebagai parti pembangkang.

"Kalau Umno nak terima dasar Islam, maka tidak ada masalah antara kita kerana dia (Umno) pegang dasar yang sama, (tetapi) selagi Umno pegang dasar kebangsaan, maka dia dengan cara dia dan kami dengan cara sendiri," katanya ketika ditemui di kediamannya di Pulau Melaka di sini.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, dalam keadaan sekarang usaha untuk membolehkan Pas dan Umno bersatu "tak boleh dibuat" kerana pengalaman Pas sewaktu dalam Barisan Nasional (BN) dahulu mendapati usaha menyatukan parti-parti dengan dasar berbeza akan "berkecai".

Menurut beliau, langkah Umno akhir-akhir ini untuk "mendekatkan" diri kepada kepada perjuangan Islam juga tidak mencukupi bagi Pas untuk mengiktiraf Umno sebagai melaksanakan dasar Islam kerana bertanggapan Umno masih mementingkan dasar kebangsaan seperti yang ada dalam perlembagaan parti itu.

Ditanya adakah sikap Pas ini menyebabkan perpecahan di kalangan orang Melayu, Nik Aziz berkata perpecahan akan tetap berlaku walaupun Pas tiada, sambil memberi contoh Umno sendiri berpecah dan berpuak-puak dengan masalah dalaman seperti dilaporkan.

Menurut beliau, walaupun Pas kini cuba mengukuhkan diri sebagai pembangkang dalam sistem demokrasi tetapi parti itu sanggup bekerjasama dan berbaik dengan Umno dalam pelbagai bidang seperti yang ditunjukkan semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan baru-baru ini.

Ditanya rasional Pas cuba berbaik dengan Umno, Nik Aziz berkata sebagai pejuang Islam adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mendekati pihak lain sambil memberi kefahaman sepenuhnya mengenai Islam.

Beliau juga berkata lawatan Perdana Menteri membuktikan tuduhan yang dilemparkan terhadap Pas dahulu adalah fitnah dan palsu serta menyifatkannya sebagai satu kejayaan bagi perjuangan Islam yang tidak menggunakan kekerasan atau bersikap ekstrim dalam mencapai sesuatu.

-- BERNAMA

RAR PR